



Halal

Bukan Pilihan
Tetapi **Kewajipan**

Permintaan terhadap produk halal semakin meningkat seiring dengan pertumbuhan populasi Muslim global serta kesedaran masyarakat Islam tentang kepentingan menjalani gaya hidup halal dan sihat. Dalam Islam, konsep halal bukan sahaja merangkumi sumber pemakanan malah melibatkan kebersihan, kesihatan, keadilan dan keberkatan dalam setiap aspek kehidupan, termasuklah cara penghasilan, pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran produk.

Halal dalam syariat Islam bermaksud diizinkan dan dibenarkan, yang memberikan jaminan bahawa sesuatu produk memenuhi standard kebersihan, keselamatan dan etika. Pertumbuhan industri hala mencerminkan komitmen umat Islam untuk mema ajaran agama dalam kehidupan harian dan meleta halal sebagai piawaian yang perlu dipatuhi dalam pemilihan makanan atau barangan. Dalam konteks globalisasi, permintaan terhadap produk halal bukan sahaja datang daripada masyarakat Muslim tetapi bukan Muslim yang tertarik kepada jaminan kualiti integriti yang ditawarkan.

Sebagai pengguna, umat Islam perlu sentiasa berusaha untuk memastikan setiap produk yang digunakan bukan sahaja halal tetapi juga *tayyib* ya bermaksud baik, bersih dan bermanfaat. Al-Qurai menegaskan kepentingan memilih makanan dan yang halal lagi baik (halalan tayyiban) seperti firm:

keputusan mereka. Bagaimanakah umat Islam harus mengimbangkan antara kewajiban memilih makanan halal terutama di restoran yang memperoleh pensijilan halal dengan tanggungjawab moral dalam usaha menyokong kempen boikot terhadap entiti yang tidak mematuhi nilai kemanusiaan dan keadilan? Kefarduan dalam pemilihan makanan atau produk halal menjadi tanggungjawab hakiki umat Islam. Sesetengah daripada mereka menghadapi dilema untuk membezakan antara kepatuhan agama dengan tanggungjawab sosial di tengah-tengah isu boikot terhadap Israel. Umat Islam harus sedar tentang naratif yang dimainkan oleh segelintir pihak yang mengentengahkan isu boikot berbanding dengan tindakan memilih makanan yang dipersijilkan halal. Momokan tentang isu boikot terhadap produk tertentu dikuatirakan akan terus sebatil dalam prinsip pemilihan makanan umat Islam, sedangkan perkara yang lebih utama adalah untuk memastikan kehalalan sesuatu makanan yang menepati hukum syarak. Di Malaysia, pensijilan halal dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan jabatan agama Islam negeri serta diiktiraf secara meluas pada peringkat antarabangsa. Dalam hal ini, perlu difahami bahawa tidak semua restoran yang tiada pensijilan halal menyediakan makanan yang haram. Sesetengah restoran tetap menjaga kebersihan dan integriti dalam penyediaan makanan tetapi tidak memohon pensijilan halal atas faktor kos, prosedur yang rumit atau keperluan perniagaan yang lain. Namun demikian, ketiadaan pensijilan halal boleh menimbulkan keraguan dalam kalangan pengguna Muslim. Dalam Islam, sumber makanan bagi menjaga status halalnya perlu dihindarkan bagi menjaga kesucian iman. Hal ini sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Antara kedua-duanya terdapat perkara syubuhah (samar-samar) yang tidak diketahui oleh sebahagian manusia."



yang bermaksud, "Wahai sekalian manusia! daripada apa-apa yang ada di bumi yang baik dan jangannya kamu mengikut jejak laltan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah ng terang dan nyata bagi kamu." (Jaqarah 2:168). Dengan peningkatan ini, gaya hidup halal menjadi simbol awab bagi diri, keluarga dan masyarakat. raaan makanan halal bukan sekadar suatu tapi merupakan kewajiban yang jelas dalam ajaran Islam. Konsep halalan tayyiban itu pawalan penting untuk dipraktikkan nilihan sesuatu makanan atau barangan. **Juli Makanan Halal atau Haram** 1 SAW pernah mengingatkan umatnya tentang /ang tidak lagi mengambil berat soal halal atau ereka menjadi kurang peka terhadap sumber yang diperoleh meskipun isu pemakanan an aspek penting dalam ajaran Islam. Hal cerasarkan sabda Nabi Muhammad SAW naksud, "Akan datang suatu zaman nanti, g tidak mepedulikan apa-apa yang diambil, arpada yang halal ataupun perkara yang (Hadis riwayat al-Bukhari). jelas berlaku dalam realiti kehidupan pada hari intir pengguna Islam berpusu-pusu memilih yang tidak mempunyai sijil halal. Alasan ng kaili digunakan untuk menyedapkan hati eria restoran ialah orang Melayu atau wanita g dan banyak pelanggan Muslim menikmati i di premis tersebut. Makanan tuar yang pendapat perhatian lantas menjadi pilihan. seolah-olah tidak sensitif sedangkan negara ih dengan pilihan restoran dan makanan yang aka itu, makanan halal bukanlah sukar untuk r malah menjadi kewajiban bagi umat Islam. **Dalam Pemilihan Produk** dalam dunia moden, umat Islam sering n dengan situasi yang membingungkan ketika restoran, sama ada memilih tempat yang sijil halal ataupun tidak dipersijilkan halal. an pula, tindakan boikot terhadap entiti yang n dengan sokongan kepada pihak tertentu ejim Zionis Israel memberikan kesan terhadap angan keputusan pengguna Muslim. salan yang timbul adalah tentang kesedaran am terhadap isu halal, pemahaman tentang nital dan faktor lain yang mempengaruhi



Permintaan global terhadap produk halal keluaran Malaysia kian meningkat saban tahun.

Sesiapa yang menjauhi perkara syubhah bermakna dia telah menyelamatkan agama dan kehormatannya, dan sesiapa yang terjerumus dalam perkara syubhah, maka dibimbangkan akan terjerumus dalam perkara yang haram” (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Boikot atau Halal?

Terdapat beberapa faktor yang mendorong umat Islam membuat pemilihan restoran tanpa pensijilan halal. Satu daripada faktor utama ialah kepercayaan terhadap nama baik atau golongan pengikut restoran tersebut. Jika restoran tersebut diketahui pemiliknya seorang Muslim atau telah lama beroperasi dengan sokongan masyarakat Islam, pengguna mungkin cenderung untuk mempercayai bahawa makanan yang disediakan ialah halal walaupun tiada pensijilan halal secara rasmi.

Dalam Islam, pemilihan makanan yang halal merupakan satu daripada kewajipan yang dituntut. Perlu diketahui bahawa restoran yang tidak mempunyai sijil halal tidak semestinya menyajikan makanan yang tidak halal, tetapi ketiadaan pensijilan tersebut boleh menimbulkan persoalan tentang status halal sesebuah premis terutamanya premis makanan. Pada masa ini, banyak pengguna yang bergantung pada penilaian sendiri dalam pemilihan makanan dan maklumat tentang restoran tersebut. Sebagai contoh, reputasi pemilik restoran atau jenis makanan yang mendapat sambutan hangat daripada masyarakat pengguna, walhal penggunaan pensijilan halal merupakan kaedah untuk memastikan keyakinan terhadap status halal. Hal ini dikatakan demikian kerana pensijilan halal perlu


melalui proses yang ketat dan pemantauan berkala daripada piha berwajib.

Dalam situasi tertentu, restoran yang tidak mempunyai pensijilan halal juga mungkin dikaitkan dengan isu yang lebih besar seperti sokongan kepada entiti yang terlibat dalam konflik Israel – Palestin. Pada masa yang sama, terdapat juga premis makanan halal yang didakwa menyumbang kepada ent tersebut diboikot secara meluas oleh umat Islam. Sebahagian daripada masyarakat mungkin tidak menyedari hubungan restoran tertentu dengan isu konflik tersebut manakala sebahagian lagi mungkin memisahkan isu halal dengan agenda boikot.

Sikap ini menunjukkan bahawa masyarakat mempunyai pemahaman yang berbeza-beza tentang isu halal dan boikot. Tindakan boikot terhadap produk atau perniagaan yang dikaitkan dengan Israel misalnya bergantung pada tahap kesedaran dan pemahaman individu terhadap konflik tersebut.

Dalam hal ini, umat Islam perlu memahami kepentingan syariat dalam pemilihan makanan yang lebih utama berbanding dengan pertimbangan politik atau sosial. Sijil halal membantu memastikan bahawa sumber makanan mematuhi syariat, namun dengan mengutamakan restoran tanpa sijil halal semata-mata kerana tidak diboikot boleh menafikan kepentingan syariat dalam prinsip asas ini. Sebarang tindakan mo atau sosial seperti tindakan boikot tidak sepatutnya mendahului atau menafikan keperluan untuk memenuh kewajipan agama.

Sementara itu, tindakan boikot mempunyai pengaruh kepada pengguna terhadap persepsi halal dalam kalangan masyarakat. Boikot terhadap restoran yang mempunyai sijil halal boleh membentuk persepsi baharu tentang konsep halal itu sendiri. Persepsi yang membentuk budaya pemilihan pengguna tersebut tidak hanya melihat halal sekadar persoalan makanan tetapi juga mencerminkan identiti, politik dan prinsip moral. Dalam hal ini, pengguna Muslim mungkin berasakan bahawa mereka tidak hanya bertanggungjawab untuk memastikan makanan yang diambil oleh mereka halal tetapi juga mengambil kira faktor etika yang lebih luas seperti keadilan sosial dan tanggungjawab perniagaan.



Proses pensjilian halal harus sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa dalam usaha menyeimbangkan antara keperluan undang-undang dengan peningkatan permintaan terhadap produk halal.

haram, tetapi merangkumi keseluruhan rantaian pemprosesan makanan daripada sumber bahan sehingga proses penyembelihan dan penyimpanan serta penyediaan. Pensjilian halal berfungsi sebagai jaminan bahawa setiap aspek ini telah dipantau dan mematuhi syarat Islam. Tanpa sijil halal, sukar untuk seseorang memastikakan ketelusan dan kebersihan rantaian tersebut. Dalam hal ini, institusi pendidikan, penyelidikan dan organisasi berkaitan dengan halal memainkan peranan yang penting untuk menyediakan maklumat yang tepat termasuklah mempromosikan kepentingan sijil halal yang sah.

Bagi pengguna pula, langkah terbaik adalah dengan membuat keputusan yang bijak berdasarkan maklumat yang tepat, memilih alternatif halal yang lebih jelas jika terdapat keraguan, dan menyokong kempen kesedaran halal pada peringkat komuniti. Selain itu, pengguna boleh memainkan peranan aktif dengan cara menyuarakan keperluan kepada pihak berwajib untuk mempermudah akses kepada pensjilian halal dan mempromosikan pilihan makanan yang mematuhi syarat.



Dengan pemerkasaaan kesedaran dan kefahaman, diharapkan agar umat Islam dapat membuat pilihan yang lebih bertanggungjawab selari dengan prinsip agama dan etika. Maka itu, keharmonian antara keperluan harian dengan tuntutan agama dapat dicapai dengan baik.

Langkah ke Hadapan

hadapi dilema moral seperti tindakan Islam perlu dilatih untuk membuat ang seimbang antara tuntutan agamaimbangan etika. Sekiranya terdapat ng telah dipersjilkan halal tetapi diboi kot politik atau etika, maka pengguna Muslim pertimbangan alternatif yang lain dan memilih restoran tanpa sijil halal hanya < diboi kot. Oleh hal yang demikian, umat membuat keputusan yang lebih baik dalam kompleks dengan memberikan penekanan insip agama yang kukuh di samping kira isu etika.

an dan kesedaran perlu disuburkan secara untuk memastikakan umat Islam tidak n oleh naratif yang mengangap bahawa boleh memilih restoran tanpa sijil halal yang ot. Pengguna Muslim perlu dididik tentang n sijil halal sebagai alat piawataan serta menjaga pemakanan yang suci dan halal. Yang sama, isu etika dan moral seperti cikoit perlu ditangani secara seimbang gabaikan tanggungjawab agama yang lebih gan pendekatan yang menyeluruh, umat it membuat keputusan yang lebih rasional nuhi tuntutan syarat dalam pemilihan

erupakan cabaran besar rak berkuasa, ulama rak Islam secara inya. Pihak berkuasa ngkatkan usaha mendidik it tentang kepentingan talal dan menyediakan ang mudah untuk difahami. a yang sama, ulama perlu ktif membincangkan im platform rk meningkatkan secara berterusan. at Islam perlu kan kefahaman erkasakan literasi usnya dalam takanan. Halal bukan etidadaan bahan



Pengguna harus lebih bijak membuat keputusan berdasarkan maklumat yang tepat dalam menghadapi isu boi kot dan produk halal.